



NUR Zakiah bersama produk minyak wanginya.

Seremban

Usahawan OKU berjiwa kental

Kekurangan yang ada pada diri kerana berstatus orang kurang upaya (OKU) membuatkan dia tidak pernah terlintas di fikiran akan bergelar usahawan dan mampu meraih pendapatan lumayan.

Sedar diri tidak sempurna seperti individu lain, Nur Zakiah Dzulkifli, 32, yang menghidap penyakit sendi seluruh badan (*rheumatoid arthritis*) bangkit untuk mengubah kehidupannya dengan membabitkan diri dalam perniagaan.

Wanita bersemangat kental itu tiadak mampu menggerakkan bahagian pinggang ke bawah yang

dalamnya sejak berusia 10 tahun dan keadaan bertambah serius selepas terjatuh pada usia 16 tahun.

Beliau yang menggunakan kerusi roda untuk bergerak mula membabitkan diri dalam perniagaan seawal usia 16 tahun selepas mendapat dorongan dan sokongan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Katanya, dia menjalankan pelbagai perniagaan antaranya percetakan dan menjual produk makanan namun kurang berjaya, sebelum mencuburi perniagaan minyak wangi halal, pada 2014.